



**KUMPULAN PEMULIHAN
KEAGAMAAN (RRG)**

Kekeliruan terhadap Khalifah Islam ISIS: Suatu Penjelasan Ringkas



**SIRI PENDIDIKAN UMUM
NOVEMBER 2014**

PENGENALAN

Negara Islam Iraq dan Syria (ISIS), sebuah kumpulan militan pelampau, telah menggugat perhatian dunia sejak beberapa bulan kebelakangan ini. Tindakan mereka yang kejam dan ganas, yang termasuk membunuh tawanan dan kumpulan minoriti etnik secara beramai-ramai, perhambaan seksual wanita dan gadis serta pemancungan kepala para askar dan wartawan, telah mencetuskan rasa takut dan kemarahan di seluruh dunia. Kita juga telah menyaksikan sejumlah pejuang warga asing di kalangan para anggotanya - daripada anak remaja perempuan sehinggalah karyawan muda. Mereka telah menyertai ISIS, dengan penuh yakin pada matlamatnya untuk menubuhkan sebuah negara Islam di seluruh daerah Levant. Siapakah ISIS sebenarnya? Mengapakah ISIS terus menarik perhatian para individu yang terdedah kepada pengaruh luar? Apakah konsep sebuah negara Islam berkhilafah? Apakah ISIS merupakan kekhalifahan yang sedang menghidupkan kembali sistem tadbir urus Islam? Risalah ini bertujuan menjelaskan isu-isu tersebut supaya ANDA memahami ISIS dengan lebih baik.

SIAPAKAH ISIS?

Sebagai sebuah cabang daripada Al-Qaeda di Iraq (AQI), ISIS telah melalui beberapa perubahan pada namanya sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Kumpulan militan itu telah menamakan dirinya Negara Islam Iraq (ISI), Negara Islam Iraq dan Jajahannya (ISIL) dan Negara Islam Iraq dan Syria (ISIS). Ia merujuk kepada dirinya sebagai Negara Islam (IS) pada 29 Jun 2014. Kumpulan itu juga mengisytiharkan Abu Bakr Al-Baghdadi sebagai khalifah, dan wilayah di bawah jajahannya sebagai negara Islam berkhilafah. Matlamat awal kumpulan itu adalah menubuhkan sebuah negara Islam di kawasan yang terdapat ramai Sunni di Iraq, namun sejak itu matlamat tersebut telah dikembangkan untuk merangkumi kawasan ramai Sunni di Syria menyusuli penglibatan kumpulan itu dalam perang saudara Syria.

Al Baghdadi dan kumpulan pelampau beliau ibarat tanpa haluan yang jelas. Paling-paling, mereka tampak sebagai lanjutan daripada perbalahan yang berlaku di rantau Timur Tengah.

“...maka akan datang manusia yang menipu dunia dengan agama, menipu orang ramai dengan memakai kulit lembut kambing biri-biri, lidah mereka lebih manis daripada gula dan hati mereka adalah hati serigala.”

KECAMAN DARIPADA CENDEKIAWAN

Lebih daripada 120 ulama Islam di seluruh dunia telah menolak kekhalifahan Al-Baghdadi dan mengutuk kekejaman yang dilakukan oleh ISIS menerusi satu surat terbuka yang diedarkan pada akhir September 2014. Para ulama memutuskan bahawa konsep negara Islam berkhilafah tidak sah melainkan jika ia ditubuhkan dengan persetujuan daripada umat Islam. Surat itu, yang ditujukan kepada Al-Baghdadi, juga menyenaraikan pelbagai pencabulan prinsip-prinsip Islam yang dilakukan ISIS. Pencabulan itu termasuklah bagaimana ISIS telah terlalu mempermudah perkara-perkara yang berkaitan dengan Syariah, mengabaikan ilmu-ilmu dan prinsip-prinsip Islam yang sudah lama termaktub dalam mengeluarkan fatwa, menggunakan kekerasan untuk mencapai matlamat mereka dan gagal mengikut prosedur, menunjukkan belas kasihan dan memastikan keadilan apabila menjalankan hukuman¹. ISIS telah mencemari ajaran, nilai-nilai dan prinsip-prinsip Islam. Islam menggalakkan perkara-perkara seperti kedamaian, kesederhanaan dan belas kasihan. Ia mengiktiraf kepentingan pendidikan, keadilan dan kebenaran. Lebih dekat, Majelis Ulama Indonesia (MUI) telah mengisytiharkan ISIS sebagai haram.

Di Singapura, PERGAS (Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Islam Singapura) telah mengeluarkan kenyataan media mengutuk tindakan pengganas ISIS. PERGAS juga menegaskan bahawa masyarakat Islam setempat tidak harus menyokong atau bersimpati dengan ISIS atau perjuangan kumpulan itu.

1 Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web <http://lettertobaghdadi.com>

Pendek kata, ISIS mendakwa bahawa matlamatnya adalah menubuhkan sebuah negara Islam. Namun, jika kita merisik lebih dalam, kita akan mendapati bahawa itu merupakan satu alasan mudah yang digunakan untuk menarik orang Islam yang tidak tahu apa-apa untuk menyokong perjuangan ganas mereka. Mereka semata-mata merupakan satu kumpulan militan yang berjuang bukan untuk agama, tetapi demi mencapai cita-cita mereka dari segi wilayah dan politik.

MESEJ ISLAM

Nabi Muhammad (selawat dan salam ke atasnya) diutus oleh Tuhan Yang Maha Esa sebagai rahmat kepada dunia (Al-Quran, Al-Anbiya': 107). Baginda telah menegaskan bahawa Rahmatnya merangkumi semua, jauh lebih besar daripada kemurkaan-Nya sebagaimana dinyatakan dalam ayat Al-Araf, 7: 156 dan dalam hadis sahih yang diriwayatkan oleh Bukhari dalam Kitab Al-Tauhid dan Nawawi dalam Kitab Al-Taubah. Oleh itu dalam hal ini, perang dan taktik ISIS yang ganas sama sekali bertentangan dengan prinsip Islam yang menyeru kepada kedamaian dan belas kasihan.

*“Biarlah tidak ada paksaan
dalam agama.”*

Mereka telah melakukan ‘rompakan besar’ di atas nama Islam, dan mencemarkan imej serta mesej keamanan dan toleransi di seluruh dunia. Beribu-ribu nyawa yang tidak berdosa telah terkorban di bawah pemerintahan ISIS. ISIS jelas tidak peduli bahawa ini dilarang di bawah undang-undang Islam.

Undang-undang Islam menetapkan bahawa sesiapa yang mengambil nyawa seseorang tanpa sebab yang jelas, dia ibarat telah membunuh seluruh umat manusia. Sebaliknya, jika ada sesiapa menyelamatkan nyawa seseorang, dia ibarat telah menyelamatkan seluruh umat manusia (Al-Quran, Al-Maidah: 32). ISIS telah bermaharajalela dan secara terang-terangan membunuh jiwa tidak bersalah yang bukan pejuang dan

ISIS telah mencemari ideologi Islam dan memutarbelitkan prinsip-prinsip Islam.

Islam menggalakkan keamanan, kesederhanaan dan belas kasihan.

tidak mampu membela diri. Bandingkan keadaan ini dengan Nabi Muhammad *saw* yang tidak membunuh mereka yang tidak bersetuju dengannya. Baginda juga tidak membenarkan mereka dibunuh. (Tradisi Nabi, yang diriwayatkan oleh Bukhari di dalam Kitab Tafsir Al Quran dan Muslim dalam Kitab al-Birr wal-Silah).

Peraturan perang ditetapkan dengan sangat jelas oleh Nabi Muhammad *saw*. Dalam perang, Nabi menasihatkan umat Islam supaya, antara lain, tidak merosakkan tubuh badan atau membunuh anak-anak, wanita dan orang tua. Baginda menganjurkan agar menunjukkan ihsan kepada askar yang berundur, yang cedera dan warga bukan askar (Hadis riwayat Muslim dalam Kitab al-Jihad, Al-Tirmizi dalam Kitab al-Diyat dan Ibnu Abi Shayba dalam Al-Musannaf).

Memandangkan terdapat panduan dan nasihat yang sangat khusus ini daripada Nabi, bagaimanakah ISIS membenarkan tindakan ganasnya? Apa yang mereka telah lakukan selama ini bertentangan dengan Islam dan tidak dapat dipertahankan sama sekali!

BEBERAPA CIRI NEGARA ISLAM BERKHALIFAH

Istilah khalifah secara harfiah bererti “pengganti”, tetapi ia biasanya digunakan untuk merujuk kepada penguasa Islam yang menjaga hal ehwal politik dan agama sesebuah masyarakat Islam. Sebuah wilayah atau negara di bawah pemerintahan khalifah dikenali sebagai negara Islam berkhilafah.

Sejarah Islam kaya dengan kisah-kisah mengenai negara di bawah khalifah terdahulu. Berikut tersenarai beberapa ciri negara Islam yang berkhilafah:

- Kehidupan bersama secara aman di kalangan rakyat berbilang agama - warga bukan Islam yang berada di bawah kuasa Muslim tidak dipaksa untuk memeluk Islam. Ini selaras dengan apa yang dinyatakan Al-Quran: “Biarlah tiada paksaan dalam agama” (2:256).
- Penguasa Islam yang menunjukkan kerendahan hati dan kewarakan. Mereka memaparkan diri mereka sebagai hamba-hamba mulia yang berkhidmat kepada rakyat.
- Penguasa Islam yang mempunyai ilmu yang mantap dan mendalam tentang Islam, yang mereka sendiri telah menghabiskan sebahagian hidup mereka belajar tentang agama ini. Para penguasa ini lantas dapat memerintah dengan bijaksana dan menawan hati dan minda rakyat mereka.
- Keterbukaan kepada idea-idea – Para khalifah terdahulu terbuka kepada idea-idea dan maklumat untuk memperbaiki kehidupan rakyat mereka, dan berusaha menggalakkan kemajuan bukan sahaja dalam mengembangkan wilayah mereka, bahkan juga dalam bidang ekonomi, sosial dan intelektual yang akan terbukti bermanfaat untuk masa depan.

Dr Rusydi 'Alyan, di dalam bukunya *Al-Islam wa al-Khilafah* (1976), telah menekankan ciri-ciri penting bagi seseorang khalifah yang dipilih:

- Mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang hukum-hakam Syariah dan arif tentang ehwal politik dan pentadbiran pemerintah.
- Bersikap adil, berbudi luhur, berwibawa, matang dan waras.

Khalifah juga bertanggungjawab mempertahankan kesucian agama dan mewujudkan satu sistem tadbir urus yang adil, progresif, boleh diterima di peringkat antarabangsa dan berbudi luhur. Selain itu, beliau harus menganggap sebagai tugasnya melindungi kedua-dua orang Islam dan bukan Islam. ISIS akan mempunyai kesukaran memenuhi syarat-syarat sebuah negara berkhilafah sebagaimana yang dipaparkan oleh para Khalifah Islam terdahulu.

“Telah diriwayatkan oleh banyak tradisi selain Hadis ini bahawa mereka yang membaca Al-Quran setakat melewati kerongkong mereka dan mereka yang meninggalkan agama secepat anak panah dari busur adalah Khawarij Haruriyah.”

ADAKAH ISIS BENAR-BENAR NEGARA ISLAM YANG AKAN MENGHIDUPKAN KEMBALI SISTEM PENTADBIRAN ISLAM?

Pelbagai kekejaman ISIS telah banyak dilaporkan dalam media massa. Berbanding dengan beberapa pemerhatian mengenai khalifah Islam pada zaman silam, ISIS tersasar jauh daripada cita-cita dan nilai-nilai yang dimajukan Islam.

- Kekejaman kumpulan itu dan penggunaan kekerasan mencemari penekanan Islam pada kasih sayang, rasa hormat dan kewujudan bersama secara damai.
- Cara-cara ISIS mengeluarkan dan melaksanakan undang-undang hukum Islam, dan menjatuhkan hukuman boleh dipersoal. Tidak jelas sama ada mereka mempunyai barisan ulama di kalangan mereka yang benar-benar ahli dalam keilmuan Islam untuk mengeluarkan dan melaksanakan fatwa tersebut.
- Kumpulan itu tampak lebih cenderung untuk mengembangkan wilayah mereka daripada berkhidmat kepada rakyat dalam negeri-negeri yang mereka jajah dalam bidang-bidang yang penting – misalnya, pendidikan, peruntukan kerja dan mendirikan prasarana asas.
- ISIS telah membawa perpecahan di kalangan umat Islam (antara golongan sederhana dengan pelampau) dan membesarkan jurang perbezaan antara mereka.

- ISIS telah menyalahgunakan agama Islam. Mereka bertindak menakut-nakutkan dunia dengan kezaliman mereka dan durjana dalam pendekatan mereka.

Oleh itu, apa yang penting sekarang ialah ANDA jangan dipengaruhi oleh pelbagai idea dan propaganda yang dipromosikan ISIS, baik di Internet, media sosial mahupun lain-lain wadah. **ISIS TIDAK mewakili umat Islam dan Islam. IA ADALAH KUMPULAN PENGGANAS!**

KEDATANGAN PELAMPAU - APA KATA NABI MUHAMMAD (SAW)

Nabi Muhammad (selawat dan salam ke atas baginda) telah menyebut dalam hadis-hadisnya tentang kedatangan pelampau sedemikian:

- Daripada Abu Hurairah, Nabi bersabda, "... maka akan datang manusia yang menipu dunia dengan agama, menipu orang ramai dengan memakai kulit lembut kambing biri-biri, lidah mereka lebih manis daripada gula dan hati mereka adalah hati serigala. Allah [Maha Kuasa dan Maha Agung] berfirman: 'Adakah Aku yang kamu cuba tipu atau adakah terhadap Aku kamu bersekongkol? Demi Aku, Aku bersumpah untuk menghantar kepada orang-orang ini, di kalangan mereka, satu Fitnah sehingga orang-orang yang baik dan bijak menjadi hairan (tentang suasana kehidupan ketika itu).' [Tirmidzi].

"Saya mendengar Rasulullah saw bersabda, menunjuk tangannya ke arah Iraq, "Ia akan keluar dari sana, orang-orang yang membaca Al-Quran tetapi hanya melewati kerongkong sedikit, mereka segera meninggalkan Islam seperti anak panah keluar dari busurnya."

Hadis ini merujuk kepada orang-orang yang benar dan soleh yang mungkin tertanya-tanya bagaimana sesuatu yang salah boleh dirubah sehingga bunyinya baik dan kelihatan bagus, padahal ia adalah fitnah yang terbesar dalam zaman kita.

- Nabi mengatakan bahawa mereka akan sampai ke satu zaman apabila si pembunuh tidak akan tahu mengapa dia membunuh, dan mereka yang tewas tidak akan tahu mengapa mereka kehilangan nyawa mereka. [Muslim]
- Daripada Abdullah bin Mas'ud, Nabi bersabda, "... akan datang suatu kaum yang muda usianya dan cetek fikirannya, membaca Al-Quran yang tidak akan melewati kerongkong mereka, mengucapkan kata-kata daripada sebaik-baik ciptaan, menyinggahi agama sebagai anak panah yang menembusi sasarannya." [Tirmidzi]

Imam al-Tirmidzi telah berkata, "Telah diriwayatkan oleh banyak tradisi selain daripada hadis ini, bahawa orang-orang yang membaca Al-Quran hanya melewati kerongkong dan orang-orang yang meninggalkan agama sepantas anak panah dari busur adalah Khawarij Haruriyah (pelampau/pemberontak)."

- Yusair bin Amr berkata, "Saya bertanya kepada Sahal bin Hunaif, pernahkah anda mendengar Nabi mengatakan sesuatu tentang Khawarij? Dia berkata, 'Saya mendengar Rasulullah berkata, sambil menunjuk tangannya ke arah Iraq, "Ia akan keluar dari sana, orang-orang yang membaca Al-Quran tetapi hanya melewati kerongkong sahaja, mereka dengan cepat meninggalkan Islam seperti anak panah keluar dari busurnya.'" [Bukhari]

Seperti apa yang ditunjukkan hadis-hadis itu, akan datang satu masa apabila para pelampau akan bangkit. Terdapat berbagai-bagai kumpulan pelampau pada masa lalu, dan hari ini kita melihatnya dalam bentuk ISIS. Oleh itu, adalah penting bahawa ANDA bersikap lebih berhati-hati apabila membaca tentang apa yang ISIS galakkan dan percayai, supaya anda tidak dipengaruhi oleh idea-idea pelampau mereka.

APAKAH YANG ANDA BOLEH BUAT?

Masyarakat Islam Singapura tidak pasif dalam tindak balas kita kepada peristiwa-peristiwa yang berlaku di Iraq dan Syria. Pertubuhan seperti Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), Simply Islam dan Badan Agama & Pelajaran Radin Mas (BAPA) telah menganjurkan pelbagai usaha kemanusiaan dan kutipan derma untuk membantu mereka yang terjejas dek konflik di Syria. Anda boleh menghubungi mereka jika anda berminat untuk melibatkan diri dalam beberapa usaha ini.

Badan Agama & Pelajaran Radin Mas (BAPA)

www.bapa.org.sg/Syrian-Humanitarian-Appeal.html

Yayasan Rahmatan Lil'Alamin

www.rlafoundation.org.sg

Simply Islam

www.simplyislam.com.sg/main/aid-to-syrian-refugees/

Ada pertanyaan tentang ISIS atau negara Islam? Perlukan lebih banyak penjelasan mengenai peristiwa yang terjadi di Timur Tengah? Berikut adalah senarai perkara yang anda boleh lakukan untuk mendapatkan lebih banyak maklumat:

- Hubungi Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG). Dengan Pusat Sumber dan Kaunseling bertempat di Masjid Khadijah, para anggota RRG akan dapat membincangkan tentang pelampauan agama dan isu-isu berkaitan yang anda mungkin sedang berdepan dengannya.

- Kenal seorang Ustaz atau Ustazah dan anda ingin bertanya kepadanya tentang peristiwa sosiopolitik yang memberi kesan kepada masyarakat Islam? Pastikan bahawa Ustaz atau Ustazah itu berada dalam Skim Pengiktirafan Asatizah (ARS) yang ditadbir oleh MUIS. Anda boleh yakin bahawa guru-guru agama yang disenaraikan dalam ARS layak untuk membincangkan tentang agama.
- Hubungi masjid terdekat untuk bertanya. Sekiranya guru-guru agama di sana tidak dapat menjawab pertanyaan anda, mereka akan dapat merujuk anda kepada lain-lain pakar supaya anda boleh menghilangkan keraguan anda itu.

Orang ramai dialu-alukan untuk mendapatkan penjelasan dan kefahaman tentang konflik tersebut dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan pelampauan bermotifkan agama daripada Pusat Sumber dan Kaunseling Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG) di Masjid Khadijah 583 Geylang Road Singapura 389522. Mereka juga boleh melungsuri laman webnya di www.rrg.sg dan melawat laman Facebook kumpulan tersebut.

Expert resources

Advisors

The RRG has a team of advisors who provide expert advice and support to the RRG. These advisors are drawn from a wide range of disciplines and are experienced in the areas of community development, social work, and education.



Trainers

The RRG has a team of trainers who provide training and support to the RRG. These trainers are drawn from a wide range of disciplines and are experienced in the areas of community development, social work, and education.



Partners

The RRG has a number of partners who provide support and resources to the RRG. These partners include government agencies, community organizations, and academic institutions.

The RRG has a number of partners who provide support and resources to the RRG. These partners include government agencies, community organizations, and academic institutions.



The Future Challenge

Introduction

The RRG has a number of challenges that it faces in the future. These challenges include the need to continue to provide support and resources to the RRG, and the need to continue to work with its partners.

The RRG has a number of challenges that it faces in the future. These challenges include the need to continue to provide support and resources to the RRG, and the need to continue to work with its partners.

The RRG has a number of challenges that it faces in the future. These challenges include the need to continue to provide support and resources to the RRG, and the need to continue to work with its partners.

Wasatiyyah - Moderation, not extremism

Wasatiyyah is a concept that is central to Islam. It is a concept that is often misunderstood, and it is often used to describe a moderate approach to life. Wasatiyyah is a concept that is based on the teachings of the Quran and the Sunnah of the Prophet Muhammad (SAW).

Wasatiyyah is a concept that is based on the teachings of the Quran and the Sunnah of the Prophet Muhammad (SAW). It is a concept that is often misunderstood, and it is often used to describe a moderate approach to life.

Wasatiyyah is a concept that is based on the teachings of the Quran and the Sunnah of the Prophet Muhammad (SAW). It is a concept that is often misunderstood, and it is often used to describe a moderate approach to life.

Wasatiyyah is a concept that is based on the teachings of the Quran and the Sunnah of the Prophet Muhammad (SAW). It is a concept that is often misunderstood, and it is often used to describe a moderate approach to life.

KUMPULAN PEMULIHAN KEAGAMAAN (RRG)

583 Geylang Road Singapore 389522
Tel: 6743 8466 Website: www.rrg.sg